

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1996/97

Oktober /November 1996

HHH 101/NSK 002 Pengantar Seni Halus

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab **SEMUA** soalan dengan **jelas, tepat dan ringkas.**

Perhatikan dengan teliti karya-karya yang ditayangkan. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berhubungan dengan karya berkenaan. Tidak semua karya diiringi dengan maklumat.

Setiap slaid akan ditayangkan selama 7 minit dan akan diulang tayang selama 3 minit lagi selepas semua slaid ditayangkan sekali.

Had maksimum jawapan bagi setiap slaid ialah **DUA [2]** muka surat. **JANGAN MELEBIHINYA.**

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

Berikut ialah soalan-soalan dan maklumat mengikut susunan tayangan slaid: yakni soalan nombor 1 untuk tayangan slaid yang pertama, dan seterusnya.

1. **Pelukis:** Kok Yew Puah
Tajuk: Kenyataan
Tahun: 1992
Bahantara: Cat akrilik atas kanvas

Sejauhmanakah, pada pendapat anda, lukisan ini berkesan dalam memaparkan kesedaran tentang kehidupan dan persekitaran? Sejauhmanakah lukisan sebegini boleh mengubah sikap kita?

.../2

2. **Pelukis:** Lee Kian Seng
Tajuk: Melalui Jendela Merah
Tahun: 1972

Berikan suatu tafsiran mengenai karya ini, setelah membuat deskripsi tentang apa yang dilihat padanya.

3. Pada pendapat anda, daripada melihat bagaimana subjeknya dilukis, apakah yang boleh dikatakan tentang sikap pelukis terhadap kehidupan di kampung? Adakah pelukis cuba memahami kehidupan di kampung menerusi perlukisannya?

4. **Pelukis:** Zulkifli Dahalan
Tajuk: Kedai-kedai
Tahun: 1973

Apakah agaknya pandangan pelukis tentang kehidupan, yang boleh anda rumuskan daripada menghayati lukisan ini?

5. **Pelukis:** Abdullah Ariff
Tajuk: Sinar Matahari Di Denai Hutan
Tahun: 1956
Bahantara: Cat air atas kertas

Apakah yang boleh dirumuskan tentang pemaparan hutan oleh pelukis ini? Apakah, pada pendapat anda, minat pelukis dalam melukis hutan sebegitu rupa?

6. **Pelukis:** Edouard Manet
Tajuk: Olympia
Tahun: 1865
Koleksi: Muzium Louvre, Paris

Berikan deskripsi apa yang dilihat pada lukisan ini, dan kemudian, terangkan tafsiran peribadi anda.

--oo000oo--